

Latihan lama pesilat2 Alhak tidak sesia

PENCAK/SILAT

Oleh M. SANI ALI *

ADAT bertarung dalam gelanggang, ada menang dan ada kalah.

Selepas menuntut sekian lama, kini sampai masanya ilmu itu diuji dalam gelanggang Dewan Badminton Singapura.

Setiap serikandi dan sateria dari beberapa kumpulan silat berusaha mempersembahkan kebolehan masing-masing.

Semuanya dihidangkan dalam Kejohanan Pesta Silat anjuran Persekutuan Silat Singapura (Persisi) yang berakhir baru-baru ini.

28 AUG 1985

Dengan berbekalkan kegigihan dan semangat bertanding, disulami pula oleh disiplin yang tinggi, para pesilat mengatur langkah bagi menghayunkan serangan yang 'padat' untuk 'menumbangkan' para pencabarnya.

Keputusan

Menepis dan mengelak serangan 'musuh' sudah menjadi permainan bagi para pesilat yang matang. Bagi yang masih 'cetek' pengalaman, terpaksa menerima lebih hebat hujan serangan lawan.

Dalam Pesta Silat tahun ini Alhak diisytihar sebagai juara keseluruhan. Wajah-wajah keriang yang terpancar dari setiap air muka para pesilat kumpulan itu, membayangkan rasa puas selepas menjalani persiapan sekian lama (gambar atas).

Lima dari enam pesilat mereka telah berjaya keluar sebagai johan dalam kelas masing-masing di pertandingan akhir itu.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Pesta Silat tahun ini, Encik Abdul Rahim Dayan sembilan buah pasukan telah turut menyertai kejohanan yang baru selesai itu.

Ita terdiri dari pasukan-pasukan silat Alhak,



● Rasmi Ayob dari Gayong Pasak (kiri) cuba menangkis serangan Hazrah Khanam M Asraf, pesilat Alhak dalam Kelas 'A' Bahagian Dewasa.

Cekak, Esha, Gastapes Pancasakti, Gayong Pasak, Gayong Perwanit, Pencak Sunda, Sendeng Belalang dan Setia Bakti.

Berikut ialah keputusan penuh pertandingan itu:

Bahagian Remaja Lelaki:

Kelas 'D': 1. Osman Mohamed (Setia Bakti) 2. Jamil Jantan (Cekak) 3. Abdul Talib Ismail (Pencak Sunda).

Kelas 'E': 1. Rhafandi Raduan (Gayong Perwanit) 2. Salehin Mohamed Ali (Pencak Sunda) 3. Mohamed Anuar Margono (Cekak).

Kelas 'G': 1. Yusri Yusof (Cekak) 2. Aznan Ghazali (Cekak) 3. Mohamed Noor Junir (Gayong Pasak).

Bahagian Dewasa:

Kelas 'B': Mohamed Anuar Abdul Aziz (Alhak) 2. Kamaruddin Mohamed Hussain (Gayong Pasak) 3. Mahmud Abdul Rahim (Gayong Perwanit).

Kelas 'C': 1. Gasali Amyadi (Gayong Pask) 2. Kamaruzzaman Amyadi (Gayong Pasak) 3. Mohamed Azri Salam (Gayong Pasak).

Kelas 'D': Mohamed Indra Abdullah (Gayong Perwanit) 2. Mohamed Radzi Bakhtiar (Setia Bakti) 3. Mahfudz Haji Halimi (Cekak).

Kelas 'E': 1. Azrin Abdul Rahim (Alhak) 2. Mohamed Sohairs Sapuan (Gayong Pasak) 3. Zahri Hasar (Pencak Sunda).

Kelas 'F': 1. Sheik Alauddin Yaacob (Gastapes Pancasakti) 2. Shokoy Ahmed M.Ashraf (Alhak) 3. Adam Malik Radi (Gayong Perwanit).

Remaja

Kelas 'H': 1. Mohamad Ali Abu Bakar (Sendeng Belalang) 2. Jamaluddin Malik Attan (Esha) 3. Mohamed Mazlan Sabtu (Gayong Perwanit).

Bahagian Remaja Wanita: 28 AUG 1985

Kelas 'F': Baqirah

Hosni (Alhak) 2. Azizah Junid (Gayong Pasak) 3. Yatima Abdul Rahman (Gayong Pasak).

Kelas 'G': 1. Norashidah Sarip (Gayong Perwanit) 2. Salimah Mohamed Ali (Pencak Sunda) 3. Sumiati Sutarno (Pencak Sunda).

Bahagian Dewasa:

Kelas 'A': Hazrah Khanam M. Ashraf (Alhak) 2. Rasmi Ayob (Gayong Perwanit) 3. Mazlinah Ahmad (Gayong Pasak).

Kelas 'C': Shamsiah Hosni (Alhak) 2. Zabariah Mohamed (Gayong Perwanit) 3. Zainap Abu Bakar (Gayong Pasak).

Kelas 'E': Maznah Mazlan (Gayong Pasak) 2. Latipah Abu Bakar (Gayong Pasak) 3. Suti-mah Kasman (Pencak Sunda).